

3756  
Prinsip  
Perakaunan  
Kertas 1  
September 2009  
1 ½ jam

## PEJABAT PELAJARAN DAERAH GOMBAK

---

### PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

### PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1  
Satu jam 15 minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tandakan jawapan yang betul dalam kertas jawapan objektif anda.*
4. *Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

---

SULIT

Kertas 1

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan.

1. Maklumat dibawah menerangkan ciri-ciri sejenis perniagaan.

- Berdaftar dengan Pendaftar Syarikat
- Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang awam
- Bilangan minimum ahli 2 orang
- Liabiliti pemilik terhad

Antara yang berikut, jenis perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri tersebut?

- A. Rita Berhad
  - B. Rita Enterprise
  - C. Rita Sendirian Berhad
  - D. Restoran Rita dan Hamid
2. Mesin yang berkos RM25 000, kini mengikut harga pasaran ialah RM18 000. Dalam buku akaunnya, kerani akaun mencatatkan nilai kenderaan RM18 000 untuk menggambarkan nilai pasaran. Adakah tindakan kerani akaun ini mengikut konsep atau bercanggah dengan konsep tertentu?
- A. Mengikut konsep materialiti
  - B. Bercanggah konsep kos sejarah
  - C. Bercanggah konsep pepadanan
  - D. Mengikut konsep wang sebagai ukuran
3. Antara butiran berikut, yang manakah merupakan aset semasa?
- A. Tunai
  - B. Pinjaman
  - C. Pemiutang
  - D. Overdraf bank
4. Antara yang berikut, manakah direkodkan dalam Penyata Pendapatan perniagaan?
- I. Bank
  - II. Belian
  - III. Jualan
  - IV. Angkutan masuk
- A. I, II dan III
  - B. I, III dan IV
  - C. I, II dan IV
  - D. II, III dan IV

SULIT 2

Dapatkan skema Jawapan di Laman

[www.banksoalanspm.com](http://www.banksoalanspm.com)

**SULIT**

5. Perniagaan Maju menjual barang niaga berkos RM1 000 dengan harga RM1 500 secara kredit.

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas Kunci Kira-kira?

- A. Stok berkurangan RM1 500, Penghutang bertambah RM1 500
  - B. Stok berkurangan RM1 500, Penghutang bertambah RM1 000
  - C. Stok berkurangan RM1 500, Penghutang bertambah RM1 500, Ekuiti Pemilik berkurangan RM500
  - D. Stok berkurangan RM1 000, Penghutang bertambah RM1 500, Ekuiti Pemilik bertambah RM500
6. Dokumen perniagaan digunakan untuk
- I. dijadikan bukti bagi sesuatu urus niaga
  - II. mengukur prestasi sesebuah perniagaan
  - III. memberi maklumat tentang sesuatu urus niaga
  - IV. mengingatkan peniaga tentang hutang dalam urus niaga
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV

7. Antara berikut, pilih keterangan yang betul.

	Dokumen	Urus niaga
A.	Resit Asai	Bayaran diterima
B.	Nota Debit	Penambahan hutang
C.	Keratan Cek	Bayaran dibuat dengan tunai
D.	Salinan Invois	Belian barang niaga secara kredit

8. Antara berikut, urus niaga yang manakah tidak dicatat dalam Jurnal Am?

- A. Membeli rak secara kredit
- B. Mengeluarkan wang tunai untuk kegunaan sendiri
- C. Memasukkan perabot peribadi ke dalam perniagaan
- D. Memindahkan akaun hasil dan belanja ke akaun penamat

9. Urus niaga yang manakah direkodkan dalam buku tunai runcit?

- A. Pembayaran sewa kedai secara tunai
- B. Penerimaan tunai daripada penghutang
- C. Pembelian perabot secara tunai
- D. Pembelian setem secara tunai

10. Antara berikut, yang manakah bukan Akaun Aset Semasa?

- A. Akaun Stok
- B. Akaun Penghutang
- C. Akaun Belanja Terakru
- D. Akaun Belanja Terdahulu

**SULIT**

11. Yang manakah antara berikut merupakan akaun nominal?

- I. Sewa terakru
- II. Komisen diterima
- III. Stok alat tulis
- IV. Angkutan keluar

- A. I dan II
- B. II dan IV
- C. I dan IV
- D. II dan III

12. Membeli computer untuk kegunaan perniagaan dengan tunai daripada Syarikat Elektrik XY

Antara berikut, catatan lejar yang tepat ialah

	Debit	Kredit
A.	Alatan Pejabat	Syarikat Elektrik XY
B.	Alatan Pejabat	Tunai
C.	Syarikat Elektrik XY	Alatan Pejabat
D.	Tunai	Alatan pejabat

13. Apakah fungsi Imbangan Duga?

- I. Menguji ketepatan pengiraan
- II. Menyemak ketepatan kemasukan catatan bergu
- III. Memastikan tiada kesilapan dalam semua catatan
- IV. Memudahkan penyediaan Akaun Perdagangan, Akaun Untung Rugi dan Kunci Kira-kira

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

14. Jualan perabot lama berharga RM530 dengan tunai telah direkodkan dalam Akaun Alatan Pejabat.

Apakah jenis kesilapan yang telah dilakukan?

- A. Kesilapan komisen
- B. Kesilapan prinsip
- C. Kesilapan amaun
- D. Kesilapan terbalik

SULIT

15. Diantara berikut, yang manakah merupakan liabiliti semasa?

- I. Sewa terakru
  - II. Sewa terdahulu
  - III. Sewa diterima terakru
  - IV. Sewa diterima terdahulu
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

16. Maklumat berikut dipetik daripada buku Perniagaan Optimum pada 31 Disember 2008.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Penghutang	4 800	
Peruntukan hutang ragu		200
Hutang lapuk	800	

Peruntukan hutang ragu ditetapkan pada kadar 5% setahun atas penghutang bersih. Kirakan amaun hutang ragu yang perlu di catat dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2008?

- A. RM20
- B. RM40
- C. RM200
- D. RM240

17. Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Majujaya.

Perniagaan Majujaya membeli sebuah mesin berharga RM45 000 pada 1 Januari 2007. Mesin ini di susutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah belanja susutnilai mesin pada akhir tahun 2008?

- A. RM4 050
- B. RM4 500
- C. RM8 550
- D. RM9 050

SULIT

18. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Thivan Trading.

	1 Januari 2007	31 Disember 2007
	RM	RM
Gaji terakru	120	-
Gaji terdahulu	-	180

Jumlah gaji yang dibayar bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah RM2 900. Berapakah jumlah gaji yang akan dicatat dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2007?

- A. RM2 600  
B. RM2 840  
C. RM2 960  
D. RM3 200
19. Butiran manakah yang terdapat dalam Buku Tunai tetapi tiada dalam penyata bank?
- A. caj bank  
B. cek tak layan  
C. bayaran buku cek  
D. cek belum dikemukakan
20. Antara butir yang berikut, manakah yang tidak direkodkan dalam belanjawan tunai?
- I. Belian tunai  
II. Belian kredit  
III. Hutang lapuk  
IV. Peruntukan hutang ragu
- A. I sahaja  
B. I dan III  
C. II, III dan IV  
D. I, II, III dan IV
21. Manakah antara berikut **bukan** kepentingan belanjawan tunai?
- A. Menunjukkan kemampuan tunai sesebuah perniagaan  
B. Memastikan perniagaan mendapat keuntungan maksimum  
C. Membantu perniagaan merancang pendapatan dan perbelanjaan  
D. Membantu perniagaan membelanjakan wang mengikut keadaan

**SULIT**

22. Antara yang berikut, manakah akan menyebabkan baki Buku Tunai melebihi baki penyata bank?
- I. Bayaran gaji RM1 200 tersiap direkodkan dalam Buku Tunai sebagai RM120
  - II. Deposit atau cek belum dikreditkan
  - III. Cek belum ditunaikan
  - IV. Dividen pelaburan
- A. I sahaja  
B. I dan II  
C. II dan III  
D. III dan IV
23. Antara perkara-perkara berikut, manakah yang diperuntukan di bawah Akta Perkongsian 1961?
- I. Untung atau rugi pekongsi diagihkan mengikut nisbah modal
  - II. Faedah 8% dibayar atas pinjaman oleh pekongsi
  - III. Tiada faedah dibayar atas modal pekongsi
  - IV. Pekongsi tidak dibayar gaji
- A. I, II dan III  
B. I, II dan IV  
C. I, III dan IV  
D. II, III dan IV
24. Ally dan Anas memulakan perkongsian ZA pada 1 Januari 2008. Ambilan oleh Ally ialah RM1 200 pada 1 Januari 2008 dan RM3 600 pada 31 Disember 2008. Mengikut Ikatan Perkongsian, faedah atas ambilan 10% dikenakan. Berdasarkan maklumat di atas, hitung faedah atas ambilan yang dikenakan kepada pekongsi Ally pada 31 Disember 2008?
- A. RM84  
B. RM120  
C. RM156  
D. RM4780
25. Antara yang berikut, manakah yang menjadi sebab sesebuah perkongsian itu dibubarkan?
- I. Salah seorang pekongsi tidak siaman
  - II. Perkongsian telah mengalami kerugian
  - III. Salah seorang pekongsi menjadi mullis
  - IV. Perkongsian telah menjadi tidak sah disisi undang-undang
- A. I, II dan III  
B. I, II dan IV  
C. I, III dan IV  
D. II, III dan IV

SULIT

26. Modal berdaftar yang dikeluarkan oleh syarikat berhad untuk dijual kepada orang ramai merupakan
- A. modal dibenarkan
  - B. modal berbayar
  - C. modal diterbitkan
  - D. modal belum diterbitkan

27. Yang manakah antara berikut merupakan perbezaan antara saham biasa dengan saham keutamaan?

- I. Pemegang saham biasa menghadapi risiko yang lebih rendah
- II. Pemegang saham keutamaan menerima dividen sebelum pemegang saham biasa
- III. Pemegang saham biasa berhak mengundi manakala pemegang saham keutamaan tidak
- IV. Kadar dividen yang dibayar kepada pemegang saham keutamaan adalah tetap, manakala kadar dividen yang dibayar kepada pemegang saham biasa tidak tetap

- A. I, II dan III
- B. I, III dan IV
- C. I, II dan IV
- D. II, III dan IV

28. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat NUR IMAN Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

700 000 unit saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. 300 000 unit 6% saham keutamaan bernilai RM1.00 sesaham. Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen saham biasa sebanyak 25 sen sesaham.
--

Berapakah jumlah dividen saham biasa?

- A. RM1 000 000
- B. RM700 000
- C. RM400 000
- D. RM175

29. Butir-butir berikut merupakan perbelanjaan hasil, kecuali

- A. biasiswa
- B. hadiah dan piala
- C. membeli alatan sukan
- D. membeli bola tenis dan bulu tangkis



**SULIT**

30. Yuran terdahulu pada akhir tahun kewangan ditunjukkan dalam Kunci Kira-kira sebagai
- A. aset semasa
  - B. liabiliti semasa
  - C. dana terkumpul
  - D. penerimaan modal
31. Data di bawah menunjukkan aset dan liabiliti Kelab Keusahawanan pada 1 Januari 2008 dan 31 Disember 2008.

	1 Januari 2008	31 Disember 2008
	RM	RM
<u>Aset:</u>		
Tunai	1 500	1 350
Kelengkapan	5 500	4 000
Yuran tertunggak	150	150
Stok restoran	<u>1 200</u>	<u>1 400</u>
	8 350	6 900
<u>Liabiliti:</u>		
Yuran terdahulu	60	80
Sewa terakru	<u>450</u>	<u>450</u>
	510	530

Hitungkan dana terkumpul awal Kelab Keusahawanan?

- A. RM6 370
  - B. RM7 430
  - C. RM7 840
  - D. RM8 860
32. Rekod tak lengkap merujuk kepada sistem simpan kira yang tidak mengikut
- A. sistem catatan tunggal
  - B. sistem catatan bergu
  - C. kaedah perbandingan
  - D. kaedah analisis

33. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Encik Ramli sekeluarga.

	1 Januari 2008	31 Disember 2008
	RM	RM
Modal	10 000	13 500
<b>Maklumat Tambahan:</b>		
(i)	Ambilan dalam tahun 2008 ialah RM4600	
(ii)	Modal tambahan RM1 000 dibawa masuk dalam tahun itu	

Berapakah untung bersih atau rugi bersih perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2008?

- A. Untung bersih RM3 100  
 B. Untung bersih RM3 900  
 C. Rugi bersih RM3 900  
 D. Rugi bersih RM3 100
34. Data dibawah diperolehi daripada seorang pemiutang bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

	RM
Baki pemiutang pada 1 Januari 2008	1 850
Pembayaran kepada pemiutang	4 350
Diskaun diterima	280
Putangan belian	320
Baki pemiutang pada 31 Disember 2008	2 160

Kirakan belian kredit bagi tahun berakhir 31 Disember 2008?

- A. RM4 060  
 B. RM4 640  
 C. RM5 260  
 D. RM7 760
35. Elemen-elemen kos prima terdiri daripada
- I. kos overhead  
 II. belanja langsung  
 III. kos bahan mentah  
 IV. kos buruh langsung
- A. I, II dan III  
 B. I, II dan IV  
 C. I, III dan IV  
 D. II, III dan IV

SULIT

36. "Satu tahap kuantiti pengeluaran apabila jumlah hasil jualan sama dengan jumlah kos"

Pernyataan di atas merujuk kepada konsep

- A. jumlah kos
- B. untung sasaran
- C. margin caruman
- D. titik pulang modal

37. Petikan maklumat Syarikat Yuri, pengeluar jam mainan jenama Yuri adalah seperti berikut:

Kos tetap	RM16 000
Kos berubah	RM15 000
Harga jualan seunit	RM40
Volum pengeluaran	1 000 unit

Hitungkan titik pulang modal?

- A. RM400
  - B. RM640
  - C. RM9 600
  - D. RM25 600
38. Mengapakah tafsiran penyata kewangan penting bagi pihak pengurusan?
- A. Untuk membuat rancangan perniagaan
  - B. Untuk melihat prestasi sesebuah perniagaan
  - C. Untuk mengetahui pelaburan menguntungkan atau tidak
  - D. Untuk melihat sama ada firma boleh menjelaskan hutang jangka pendek
39. Jika jualan Kedai Runcit Bagus ialah RM195 000 dan margin untung kasar kedai ialah 20%, kirakan untung kasar perniagaan?
- A. RM39 000
  - B. RM48 750
  - C. RM156 000
  - D. RM243 750

40. Butir-butir berikut diperolehi daripada Perniagaan Zamrud bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

Stok awal	RM14 640
Kos jualan	RM77 000
Kadar pusing ganti stok	7 kali

Kirakan nilai stok akhir syarikat itu?

- A. RM3 640
- B. RM7 360
- C. RM11 000
- D. RM12 820

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT 11

Dapatkan skema Jawapan di Laman

[www.banksoalanspm.com](http://www.banksoalanspm.com)